



Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-4/2/1 Jld.5 ( 18 )  
Tarikh : 30 Mac 2026

Guru Besar  
Sekolah Negeri Terengganu

Tuan,

**SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 1 TAHUN 2026: PROGRAM RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN DAN PROGRAM SUSU SEKOLAH**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara di atas dan surat daripada Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan (KPM) ruj. KPM.800-4/4/29 JLD.7 (72) bertarikh 12 Februari 2026 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Surat Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2026: Program Rancangan Makanan Tambahan dan Program Susu Sekolah telah diluluskan oleh YBhg. Dato' TS Dr. Ketua Setiausaha pada 5 Februari 2026 bagi menggantikan Surat Pekeliling Kewangan BT 19 Rancangan Makanan Tambahan (RMT) Di Sekolah Rendah. Surat Pekeliling Kewangan (SPK) terbaharu ini dikeluarkan bertujuan untuk menggariskan peraturan dan tatacara pelaksanaan Bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Program Susu Sekolah (PSS) kepada kumpulan sasaran selaras dengan keperluan semasa.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2026: Program Rancangan Makanan Tambahan dan Program Susu Sekolah berkaitan pelaksanaan Bantuan RMT dan PSS di peringkat Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/ Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah yang mula berkuat kuasa mulai tarikh SPK ini dikeluarkan. Untuk makluman, SPK ini juga boleh dimuat turun di laman sesawang rasmi Kementerian Pendidikan.

4. Selaras dengan pemakluman ini, Surat Pekeliling Kewangan BT 19 Rancangan Makanan Tambahan (RMT) Di Sekolah Rendah adalah dibatalkan. Sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi **YM Shph. Aklima Nadia binti Syed Alwi, Penolong Pengarah HEM, Sektor Pembangunan Murid, JPNT** di talian **019-9851085**.

.../2-

JPNT.SPM.UHEM.800-4/2/1 Jld.5 ( 18 )

Keprihatinan dan kerjasama tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MEMACU PRAKARSA PENDIDIKAN"**

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(MOHD ZULKAFLI BIN JUSOH)  
Timbalan Pengarah Pendidikan  
Sektor Pembangunan Murid  
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k.

Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Terengganu

- Makluman tuan.  
- Makluman tuan.

spm

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 1 TAHUN 2026: PROGRAM RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN DAN PROGRAM SUSU SEKOLAH

1 message

MOHAMAD FITRI BIN BAKRI (MOE) <fitri.bakri@moe.gov.my>

13 February 2026 at 10:19

To: "MOHD HANAFI BIN SAMAD (MOE)" <hanafi.samad@moe.gov.my>, "AZWA AFFENDI BIN BAKHTIAR (MOE)" <azwa.affendi@moe.gov.my>, "DR. MOHD ANUAR B ABDULLAH (MOE)" <anuar.abdullah@moe.gov.my>, "ROSE AZA BIN CHE ARIFIN (JPN-PERLIS)" <rose.aza@moe.gov.my>, "JPN KEDAH - PENGARAH PELAJARAN KEDAH (JPN-KEDAH)" <pengarah.jpnk@moe.gov.my>, "ENCIK MOHAMAD DZIAUDDIN (JPN-PPINANG)" <dziauddin.matsaad@moe.gov.my>, "ZULKAFI BIN MOHAMED MOKHTAR (JPN-PERAK)" <zulkafli.mokhtar@moe.gov.my>, "PENGARAH JPN SELANGOR (JPN-SELANGOR)" <pengarah.jpnssel@moe.gov.my>, "KHALIDAH OMAR (JPN-NSEMBILAN)" <khalidah.omar@moe.gov.my>, "MAHFUDZAH BINTI MOHAMED NOOR (JPN-MELAKA)" <mahfudzah.mnoor@moe.gov.my>, "ALI @ ZAINALABIDIN BIN SYED MOHAMED (JPN-JOHOR)" <ali.zainalabidin@moe.gov.my>, "AHMAD ZAMRI BIN MD ISA (JPN-PAHANG)" <zamri.isa@moe.gov.my>, "TUAN KAMSAH @ KAMAL BIN MOHAMED (JPN-TERENGGANU)" <kamsah@moe.gov.my>, "SITI NORINA BINTI MUHAMAD (JPN-KELANTAN)" <norina.muhamad@moe.gov.my>, "RAISIN SAIDIN (JPN-SABAH)" <raisin.saidin@moe.gov.my>, "OMAR BIN HAJI MAHLI (JPN-SARAWAK)" <omar.mahli@moe.gov.my>, "MEGAT AFFANDI BIN ISMAIL (JPN-WPKL)" <megataffandi.ismail@moe.gov.my>, "NADIMIN BIN ABDUL AZIZ (JPN-WPPUTRAJAYA)" <nadimin.aziz@moe.gov.my>, "YAHYA BIN AHMAD PUTEH (JPN-WPLABUAN)" <yahya.aputeh@moe.gov.my>

Cc: "YBHG. DATO' TS. DR. HAJI AMINUDDIN BIN HASSIM (MOE)" <aminuddin.hassim@moe.gov.my>, "DATUK DR. MOHD AZAM BIN AHMAD (MOE)" <mohdazam.ahmad@moe.gov.my>, "DATO' AHMAD SUHAIMI BIN ENDUT (MOE)" <ahmadsuhaimi@moe.gov.my>, "DATO' WAN HASHIM BIN WAN RAHIM (MOE)" <whashim.wrahim@moe.gov.my>, "DR. RUSMINI BINTI KU AHMAD (MOE)" <drrusmini@moe.gov.my>, "ZAINAL BIN ABAS (MOE)" <zainal.abas@moe.gov.my>, "DATO' AMZAN ABD MALEK (MOE)" <amzanmalek@moe.gov.my>, "YAHYA BIN AB GHANI (MOE)" <yahya@moe.gov.my>, "AHMAD NORHAD BIN ZAHARI (MOE)" <norhad@moe.gov.my>, "Syarifah Intan Syafinaz binti Tuan Mat Ali (MOE)" <syafinaz.ali@moe.gov.my>, "HIRUDIN BIN MOHIT (MOE)" <hirudin.mohit@moe.gov.my>, "MOHD FAKARUDIN HUSSAIN (MOE)" <mfakarudin.hussain@moe.gov.my>, "AZILA AZLINA BINTI CHE WAHAB (MOE)" <azila.wahab@moe.gov.my>, "NUR SHAHIDAH MUNIR @ MUNIRAH BINTI WAHAP (MOE)" <nurshahidah\_munir@moe.gov.my>, "SITI NOOR HIDAYAH BINTI PISHAL (MOE)" <snhidayah.pishal@moe.gov.my>, "NURFATIHAH BINTI JAMIL (MOE)" <nurfatihah.jamil@moe.gov.my>, "NURULAH ERNESTO BIN KENNEDY (MOE)" <nurulahernesto@moe.gov.my>, "ZIDNI NORANI BINTI RIPIN (MOE)" <zidni@moe.gov.my>, "HASLINA BINTI HASBI (MOE)" <haslina.hasbi@moe.gov.my>, "NOR AZLIN ABU SAMAH (MOE)" <norazlin.abusamah@moe.gov.my>, "SITI MAZARINAFIZA BINTI YUSOF (MOE)" <mazarina.yusof@moe.gov.my>, "JULIANA ISKAN (MOE)" <juliana.iskan@moe.gov.my>, "NOR ILYANI BINTI CHE RAHIM (MOE)" <ilyani.cherahim@moe.gov.my>, "SUHAILA BINTI ABU BAKAR (MOE)" <suhaila.abubakar@moe.gov.my>, "NORDIANA BINTI ABDUL MAJID (MOE)" <nordiana.majid@moe.gov.my>, "WAN SHAZILAH WAN SHAHARUDDIN (MOE)" <shazilah.shaharuddin@moe.gov.my>, "NUR HIDAYAH BINTI HASSAN (MOE)" <nurhidayah.hassan@moe.gov.my>, "NUR SAFAWATI AHMAD (MOE)" <safawati@moe.gov.my>

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs.Dr./Tuan/Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2026: Program Rancangan Makanan Tambahan Dan Program Susu Sekolah telah diluluskan oleh YBhg. Dato' Ts. Dr. Ketua Setiausaha pada 5 Februari 2026 bagi menggantikan Surat Pekeliling Kewangan BT 19 Rancangan Makanan Tambahan (RMT) Di Sekolah Rendah. Surat Pekeliling Kewangan (SPK) terbaharu ini dikeluarkan bertujuan untuk menggariskan peraturan dan tatacara pelaksanaan Bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Program Susu Sekolah (PSS) kepada kumpulan sasar selaras dengan keperluan semasa.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan **Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2026: Program Rancangan Makanan Tambahan Dan Program Susu Sekolah** berkaitan pelaksanaan Bantuan RMT dan PSS di peringkat Bahagian/Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah yang **berkuat kuasa mulai tarikh SPK ini dikeluarkan**. Untuk makluman, SPK ini juga boleh dimuat turun di laman sesawang rasmi Kementerian Pendidikan.



4. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs.Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk menghebahkan dan memanjangkan perkara ini kepada Bahagian/JPN/PPD/sekolah di bawah seliaan masing-masing dengan **segera**. Selaras dengan pemakluman ini, Surat Pekeliling Kewangan BT 19 Rancangan Makanan Tambahan (RM) Di Sekolah Rendah adalah **dibatalkan**.

5. Perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs.Dr./Tuan/Puan dalam memastikan kelancaran pengurusan dan pelaksanaan Bantuan RMT dan PSS adalah amat dihargai.


"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHAMAD FITRI BIN BAKRI)**

Bahagian Kewangan  
Kementerian Pendidikan  
Tel: 03-88847627

 **SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 1 TAHUN 2026 - PROGRAM RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN DAN PROGRAM SUSU SEKOLAH (1).pdf**  
1134K

SEKTOR PEMBANGUNAN MURID			
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU			
TPP SPM		Untuk Tindakan	/
KPP NEM	/	Untuk Perhatian	/
KPP PEM		Untuk Makluman	
KPP PKOKU		Untuk Perbincangan	
P.PENGARAH		Untuk Semakan	
		Untuk Fail	
	/	Shah Akhina	
KPT			
16/2	16/2	Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembangunan Murid	

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU			
UNTUK PERHATIAN PENGARAH			
TPP S4PD		Untuk Tindakan	/
TPP SPS		Untuk Perhatian	
TPP SPM	/	Untuk Makluman	
TPP SP		Untuk Perbincangan	
KPPK SPI		Untuk Semakan	
KPPK SPK		Untuk Edaran	
KPPK SSM		Untuk Fail	
KPPK SIP			
KPPK SPU			
KPP SSTP	/		
KPP SPMT			
KPP SPP			
KPP SI			
KKPN SPsK			
PA			
<b>CATATAN</b>			
	15/2		Sh
	Tarikh		Pengarah



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Bahagian Kewangan  
Aras 6 & 7, Blok E12, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62604 PUTRAJAYA,  
MALAYSIA

Tel : 03 - 8884 7700  
Faks : 03 - 8884 7679  
Laman web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.800-4/4/29 JLD. 7 (12)

Tarikh : 12 Februari 2026

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 1 TAHUN 2026:  
PROGRAM RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN DAN PROGRAM  
SUSU SEKOLAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2026: Program Rancangan Makanan Tambahan Dan Program Susu Sekolah telah diluluskan oleh YBhg. Dato' Ts. Dr. Ketua Setiausaha pada 5 Februari 2026 bagi menggantikan Surat Pekeliling Kewangan BT 19 Rancangan Makanan Tambahan (RMT) Di Sekolah Rendah. Surat Pekeliling Kewangan (SPK) terbaharu ini dikeluarkan bertujuan untuk menggariskan peraturan dan tatacara pelaksanaan Bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Program Susu Sekolah (PSS) kepada kumpulan sasar selaras dengan keperluan semasa.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan **Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2026: Program Rancangan Makanan Tambahan Dan Program Susu Sekolah** berkaitan pelaksanaan Bantuan RMT dan PSS di peringkat Bahagian/Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah yang **berkuasa** mulai tarikh **SPK ini dikeluarkan**. Untuk makluman, SPK ini juga boleh dimuat turun di laman sesawang rasmi Kementerian Pendidikan.

4. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs.Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk menghebahkan dan memanjangkan perkara ini kepada Bahagian/JPN/PPD/sekolah di bawah seliaan masing-masing dengan **segera**. Selaras dengan pemakluman ini, Surat Pekeliling Kewangan BT 19 Rancangan Makanan Tambahan (RMT) Di Sekolah Rendah adalah **dibatalkan**.

5. Perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs.Dr./Tuan/Puan dalam memastikan kelancaran pengurusan dan pelaksanaan Bantuan RMT dan PSS adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(YAHYA BIN AB GHANI)**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kewangan  
Kementerian Pendidikan

s.k.:

1. KSU
2. KPPM
3. TKSU (P)
4. TKSU (PP)
5. TKPPM (SOS)
6. TKPPM (SDK)
7. TKPPM (SPP)

## **SENARAI EDARAN:**

### **BAHAGIAN**

1. Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
2. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perolehan
3. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Khas

### **JABATAN PENDIDIKAN NEGERI**

1. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah  
Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah  
Jalan Punai Tanah  
88450 Likas  
**SABAH**
2. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak  
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako  
Petra Jaya  
93050 Kuching  
**SARAWAK**
3. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
Persiaran Duta Off Jalan Duta  
**50604 W.P. KUALA LUMPUR**
4. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan  
Jalan Dato' Hamzah  
70990 Seremban  
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

5. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka  
Jalan Istana  
75450 Bukit Beruang  
**MELAKA**
  
6. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang  
Bandar Indera Mahkota  
25604 Kuantan  
**PAHANG DARUL MAKMUR**
  
7. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah  
Kompleks Pendidikan, Jalan Stadium  
05604 Alor Setar  
**KEDAH DARUL AMAN**
  
8. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu  
Jalan Bukit Kecil  
20604 Kuala Terengganu  
**TERENGGANU DARUL IMAN**
  
9. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang  
Jalan Bukit Gambir  
**11700 PULAU PINANG**
  
10. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan  
Bandar Baru Tunjong  
16101 Kota Bharu  
**KELANTAN DARUL NAIM**
  
11. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak  
Jalan Tun Abdul Razak  
30640 Ipoh  
**PERAK DARUL RIDZUAN**

12. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Selangor  
Jalan Jambu Bol 4/3e, Seksyen 4  
40604 Shah Alam  
**SELANGOR DARUL EHSAN**
  
13. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Johor  
Wisma Pendidikan  
Jalan Tun Razak  
80604 Johor Bahru  
**JOHOR DARUL TAKZIM**
  
14. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis  
Jalan Tun Abdul Razak  
01990 Kangar  
**PERLIS INDERA KAYANGAN**
  
15. Pengarah Pendidikan  
Aras 10 Blok 4  
Kompleks Ujana Kewangan,  
Peti Surat 81097,  
**87020 W.P. LABUAN**
  
16. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Aras 7, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 W.P. PUTRAJAYA**



**KETUA SETIAUSAHA**  
**SECRETARY GENERAL**  
**Kementerian Pendidikan**  
**Ministry of Education**  
Aras 8, Blok E8, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8884 6072  
Faks : 03-8888 5124  
Laman Web : www.moe.gov.my

Rujukan Kami : KPM.100-1/4/2 Jld. 6 ( 31 )

Tarikh : 5 Februari 2026

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

### **SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 1 TAHUN 2026: PROGRAM RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN DAN PROGRAM SUSU SEKOLAH**

#### **1. TUJUAN**

Surat Pekeliling Kewangan ("SPK") ini bertujuan menggariskan peraturan dan tatacara pelaksanaan Program Rancangan Makanan Tambahan ("RMT") dan Program Susu Sekolah ("PSS") di Sekolah Rendah di Sekolah Kerajaan ("SK") dan Sekolah Bantuan Kerajaan ("SBK"), Kementerian Pendidikan ("KPM").

#### **2. LATAR BELAKANG**

##### **2.1 Program Rancangan Makanan Tambahan ("RMT").**

Pada tahun 1976, Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan ("AMP") telah diperkenalkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan diuruskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Program ini telah ditambah baik pada tahun 1979 dan dikenali sebagai RMT yang dikelola, diselia dan diuruskan sepenuhnya oleh KPM. Program RMT ini adalah sebagai pemberian makanan tambahan kepada murid sekolah rendah di SK dan SBK, KPM terutama daripada luar bandar dan golongan berpendapatan rendah bagi memperbaiki keadaan kesihatan, fizikal dan amalan pemakanan harian.

##### **2.2 Program Susu Sekolah ("PSS").**

Pada tahun 1983, PSS telah diperkenalkan sebagai makanan tambahan untuk membekalkan nutrisi yang mencukupi dan pemakanan yang seimbang serta memupuk tabiat pemakanan yang baik supaya murid sihat dan sentiasa segar. Murid yang layak akan dibekalkan satu kotak susu pada setiap hari persekolahan.

- 2.3 Selaras dengan perubahan dasar, tatacara permohonan dan pengurusan bantuan terkini, beberapa perkara telah dikemaskini dan dipinda bagi memastikan sistem penyampaian bantuan kepada kumpulan sasaran menjadi lebih cekap dan berkesan.

### 3. TAFSIRAN

Dalam SPK ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, maka tafsiran di bawah hendaklah diikuti:

- 3.1 **“Murid”** bermaksud murid Tahun 1 hingga Tahun 6 yang bersekolah di SK dan SBK di bawah KPM;
- 3.2 **“Murid Berkeperluan Pendidikan Khas” (“MBPK”)** bermaksud murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi, mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak, sebagai murid yang mempunyai —
- (a) ketidakupayaan penglihatan;
  - (b) ketidakupayaan pendengaran;
  - (c) ketidakupayaan pertuturan;
  - (d) ketidakupayaan fizikal;
  - (e) masalah pembelajaran; atau
  - (f) mana-mana kombinasi ketidakupayaan, atau ketidakupayaan dan masalah, yang disebut dalam perenggan (a) hingga (e).
- 3.3 **“Sekolah Orang Asli/Penan”** bermaksud sekolah khusus untuk murid orang asli yang diklasifikasikan oleh pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (“BPPDP”), KPM.
- 3.4 **“Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih” (“SBJK”)** bermaksud sekolah yang dikhususkan kepada kanak-kanak warganegara Malaysia atau anak kepada salah seorang ibu atau bapa berstatus warganegara Malaysia berdasarkan kriteria yang berikut:
- (a) kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri iaitu kanak-kanak yang dikenal pasti tidak mempunyai dokumen pengenalan diri seperti sijil kelahiran atau kad pengenalan;
  - (b) kanak-kanak yang tercicir daripada pendidikan kerana masalah sosial di persekitaran tempat tinggal;

- (c) murid tercicir daripada sistem persekolahan berpanjangan akibat kemiskinan; dan
  - (d) kanak-kanak yatim piatu yang tinggal di pusat kebajikan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (“JKM”).
- 3.5 **“Ketua Isi Rumah” (“KIR”)** bermaksud kalangan ahli isi rumah biasa sesuatu tempat kediaman yang diberi tanggungjawab atau bertanggungjawab terhadap kebajikan ahli-ahli isi rumah tempat kediaman tersebut.
- 3.6 **“Tanggungan”** bermaksud keluarga asas yang terdiri daripada ibu bapa/penjaga dan anak-anak. (Anak yang telah bekerja atau berumah tangga dan berumur 21 tahun ke atas tidak lagi menjadi tanggungan ibu bapa/penjaga kecuali anak kurang upaya atau masih menuntut di Institusi Pengajian Tinggi).
- 3.7 **“Pendapatan Isi Rumah” (“PIR”)** bermaksud semua bentuk pendapatan ibu bapa/penjaga di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (“PGK”) Nasional semasa dalam kategori miskin tegar yang diperolehi daripada sumber berikut:
- (a) gaji kasar dan segala pendapatan lain seperti hasil sewaan, nafkah, pencen, royalti, faedah dan dividen;
  - (b) kiraan purata pendapatan bulanan hasil jualan pertanian atau pendapatan daripada perniagaan;
  - (c) sumbangan tetap daripada anak yang telah bekerja; dan
  - (d) sumbangan tetap daripada agensi Kerajaan atau pihak swasta seperti JKM dan Pusat Pungutan Zakat.
- 3.8 **“Baki Peruntukan Tahun Semasa”** ialah amaun/jumlah peruntukan Program RMT tahun semasa yang tidak habis dibelanjakan sehingga 31 Disember tahun semasa setelah ditolak semua tanggungan perbelanjaan. Baki tersebut hendaklah dibawa ke tahun berikutnya.
- 3.9 **“Baki Bawa ke Tahun Hadapan”** ialah baki peruntukan tahun semasa yang dibawa ke tahun berikutnya.

#### 4. KRITERIA KELAYAKAN

- 4.1 Kriteria kelayakan murid penerima Program RMT dan PSS adalah seperti berikut:

- (a) murid warganegara Malaysia berdasarkan catatan dalam sijil kelahiran dan bersekolah di SK/SBK di bawah KPM;
- (b) murid Tahun 1 hingga Tahun 6;
- (c) PIR adalah berdasarkan PGK Nasional semasa dalam kategori **miskin tegar**; atau
- (d) semua murid yang bersekolah di Sekolah Orang Asli/Penan; atau
- (e) murid SBJK yang telah memiliki dokumen pengenalan diri (warganegara Malaysia); atau
- (f) MBPK yang memegang Kad Orang Kurang Upaya ("OKU") yang dikeluarkan oleh JKM.

4.2 Murid yang tinggal di asrama SK/SBK di bawah seliaan KPM (termasuk SBJK) **TIDAK LAYAK** menerima Program RMT dan PSS.

## 5. KADAR

- 5.1 Kadar bayaran bagi Program RMT yang diputuskan oleh Kementerian Kewangan adalah RM3.50 sehari bagi setiap murid di Semenanjung Malaysia dan RM4.00 sehari bagi setiap murid di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
- 5.2 Harga siling PSS yang ditetapkan adalah RM1.45 bagi sekotak susu di Semenanjung Malaysia dan RM1.80 bagi sekotak susu di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
- 5.3 Harga sebenar PSS adalah bergantung kepada harga yang ditawarkan oleh petender yang berjaya melalui proses tender terbuka yang diuruskan oleh Bahagian Perolehan ("BPL"), KPM.

## 6. TEMPOH PELAKSANAAN

- 6.1 Pelaksanaan Program RMT dan PSS adalah pada setiap hari persekolahan tahun semasa mengikut kalendar akademik yang berkuat kuasa dan tertakluk kepada perubahan.
- 6.2 Pelaksanaan Program RMT dan PSS bagi murid Tahun 2 hingga Tahun 6 bermula pada hari pertama persekolahan tahun semasa. Manakala murid Tahun 1 dan kes keciciran permohonan, selewat-lewatnya 1 Februari tahun semasa dan tertakluk kepada pindaan.
- 6.3 Pelaksanaan Program RMT dan PSS bagi murid MBPK yang baru mendapat Kad OKU bermula selepas semua urusan dokumentasi selesai.

- 6.4 Program RMT dilaksanakan sepanjang bulan Ramadan. Sekolah perlu membekalkan makanan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan ("GP") Pengurusan Program RMT.

## **7. TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN**

Bagi memastikan urusan pelaksanaan Program RMT dan PSS berjalan lancar, semua pihak (Bahagian Kewangan ("BKew"), Bahagian Pengurusan Sekolah Harian ("BPSH"), BPL, Jabatan Pendidikan Negeri ("JPN"), Pejabat Pendidikan Daerah ("PPD") dan sekolah) hendaklah melaksanakan tanggungjawab dan peranan seperti yang dinyatakan di dalam GP Pengurusan Program RMT dan GP Pengurusan Kewangan PSS yang sedang berkuat kuasa.

### **7.1 Jawatankuasa Bantuan Peringkat Sekolah ("JBPS")**

- (a) JBPS bertanggungjawab ke atas urusan menilai dan memperaku murid yang layak menerima Program RMT dan PSS.
- (b) JBPS hendaklah membantu pihak sekolah untuk memantau menu dan kualiti makanan yang disediakan.
- (c) JBPS boleh mengambil tindakan terhadap pengusaha/pembekal RMT pada bila-bila masa sekiranya berlaku pelanggaran terma perjanjian yang dimeterai bersama.

## **8. TATACARA PERMOHONAN**

- 8.1 Murid perlu mengisi Borang Permohonan Bantuan Persekolahan Bersepadu KPM iaitu Borang PB-1 dan Borang PB-2 (bagi yang tidak mempunyai penyata pendapatan) dan dikemukakan kepada sekolah untuk pertimbangan JBPS.
- 8.2 Senarai murid yang layak akan dikemukakan kepada PPD dan JPN untuk semakan dan pengesahan sebelum dipanjangkan kepada BPSH, KPM.
- 8.3 Bagi sekolah yang tidak mempunyai PPD, senarai murid yang layak hendaklah dikemukakan terus kepada JPN.
- 8.4 Permohonan peruntukan Program RMT oleh pihak JPN perlulah berdasarkan keperluan sebenar tanpa mengambil kira baki tahun semasa yang ada di sekolah. JPN perlu mengemukakan peruntukan Program RMT kepada BPSH, KPM berdasarkan keperluan sebenar tanpa mengambil kira

baki tahun semasa yang ada di sekolah selewat-lewatnya minggu pertama bulan Disember tahun semasa untuk peruntukan tahun berikutnya.

- 8.5 BPSH, KPM perlu mengemukakan permohonan peruntukan kepada BKew, KPM selewat-lewatnya minggu ke-3 bulan Disember tahun semasa untuk peruntukan tahun berikutnya.

## 9. TATACARA PERAKAUNAN DAN PEMBAYARAN

- 9.1 BKew, KPM akan menyediakan waran peruntukan Program RMT dan PSS kepada semua JPN selewat-lewatnya minggu ke-2 bulan Januari setiap tahun.
- 9.2 JPN akan menyalurkan peruntukan Program RMT kepada PPD/sekolah mengikut keperluan selepas waran peruntukan diterima.
- 9.3 JPN/PPD akan mengeluarkan Tanggungan Kontrak Kerajaan (Bekalan dan Perkhidmatan) (*Contract Order-CO*) PSS dan akan membuat pembayaran kepada syarikat pembekal susu berdasarkan pesanan yang dibuat.

## 10. PELARASAN PERUNTUKAN KEWANGAN

- 10.1 Sekolah yang mempunyai pertambahan bilangan murid yang layak menerima Program RMT dan PSS perlulah memohon peruntukan tambahan kepada JPN/PPD dan tertakluk kepada peruntukan tahun semasa. JPN/PPD perlu membuat penajaran peruntukan sedia ada yang telah disalurkan oleh BKew, KPM.
- 10.2 BKew, KPM perlu menyalurkan peruntukan tambahan Program RMT dan PSS berdasarkan permohonan daripada BPSH, KPM **sebelum 31 Ogos tahun semasa**.

## 11. BAKI PERUNTUKAN TAHUN SEMASA

- 11.1 Baki Peruntukan Tahun Semasa **Program RMT dibenarkan** untuk dibawa ke tahun berikutnya.
- 11.2 Baki Peruntukan Tahun Semasa **PSS** hendaklah dipulangkan kepada BKew, KPM.

## 12. BAKI BAWA KE TAHUN HADAPAN

Baki Peruntukan Tahun Semasa (jika ada) hendaklah dibawa ke tahun hadapan dan hanya dibenarkan untuk digunakan bagi maksud belanja yang sama.

## 13. PEROLEHAN DAN PEMBEKALAN MAKANAN PROGRAM RMT

- 13.1 Kaedah perolehan Program RMT dibenarkan dibuat secara **lantikan terus** kepada pengusaha kantin bagi sekolah yang mempunyai kemudahan kantin.
- 13.2 Sekiranya sekolah tidak mempunyai kemudahan kantin atau pengusaha kantin menolak untuk menyediakan makanan RMT, JBPS boleh membuat penawaran kepada Persatuan Ibubapa-Guru ("PIBG") sekolah berkenaan.
- 13.3 Sekiranya PIBG sekolah berkenaan turut menolak, JBPS boleh menawarkan pembekalan Program RMT kepada keluarga guru/kakitangan sekolah/pekerja swasta sekolah berkenaan.
- 13.4 Sekiranya semua kriteria pemilihan pengusaha/pembekal di atas ditolak, sekolah dibenarkan untuk melantik pengusaha kantin sekolah berdekatan.
- 13.5 Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan ("SJK") yang tidak boleh membekalkan Program RMT kepada murid beragama Islam, pengusaha/pembekal Program RMT di sekolah berkenaan boleh mendapatkan bekalan dari kantin sekolah berdekatan.
- 13.6 Pihak sekolah perlu mengemukakan surat tawaran kepada pengusaha/pembekal yang dipilih.
- 13.7 Pengusaha/Pembekal hendaklah mengemukakan maklum balas setuju terima bagi perkhidmatan bekalan RMT dengan mengembalikan Surat Setuju Terima ("SST") kepada sekolah.
- 13.8 Sekiranya pengusaha/pembekal bersetuju, sekolah hendaklah menyediakan **Dokumen Perjanjian Pembekalan Makanan Bagi Rancangan Makanan Tambahan**. Dokumen perjanjian tersebut hendaklah ditandatangani dan dimatikan setem hasil dalam tempoh **3 bulan** daripada hari pertama persekolahan tahun semasa dan ianya adalah sah untuk tempoh **1 tahun** bagi tahun persekolahan semasa.

## 14. MENU

- 14.1 Penyediaan RMT hendaklah mematuhi menu yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia ("KKM") seperti dalam **Dokumen Perjanjian Pembekalan Makanan Bagi Rancangan Makanan Tambahan**.
- 14.2 Pihak sekolah dicadangkan untuk memilih menu yang bersesuaian secara bergilir-gilir daripada menu yang disenaraikan mengikut kesesuaian bahan dan kesukaan murid.

## 15. PEMANTAUAN

JPN/PPD/sekolah hendaklah bertanggungjawab memantau dan memastikan pelaksanaan Program RMT dan PSS mengikut GP serta peraturan-peraturan semasa yang ditetapkan.

## 16. LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN

Pihak sekolah hendaklah menyediakan Laporan Prestasi Perbelanjaan Program RMT dan PSS untuk dikemukakan kepada JPN/PPD **4 kali setahun** (secara suku tahun). Pihak JPN pula hendaklah mengemukakan Laporan Prestasi Perbelanjaan Program RMT dan PSS secara suku tahun kepada BKew, KPM.

## 17. KEKECUALIAN

- 17.1 Perkara yang tidak dinyatakan dengan jelas dalam mana-mana perenggan dalam SPK mahupun GP Pengurusan Program RMT dan GP Pengurusan Kewangan PSS hendaklah dirujuk dengan kadar segera kepada BPSH dan BKew, KPM untuk pertimbangan dan keputusan muktamad.
- 17.2 Sebarang kriteria yang diluar daripada norma yang dinyatakan dalam SPK mahupun GP Pengurusan Program RMT dan GP Pengurusan Kewangan PSS hendaklah mendapat kebenaran daripada BKew, KPM.

## 18. PEMAKAIAN

- 18.1 SPK ini merupakan punca kuasa umum dalam pengurusan Program RMT dan PSS. Ia hendaklah dibaca bersama GP Pengurusan Program RMT dan GP Pengurusan Kewangan PSS yang sedang berkuat kuasa.
- 18.2 Pindaan pada SPK adalah di bawah kuasa Pegawai Pengawal manakala

pindaan pada GP Pengurusan Program RMT dan GP Pengurusan Kewangan PSS yang tidak bercanggah dengan SPK adalah di bawah kuasa Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia/Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) atau pegawai yang diarah menanggung kerja setelah mendapat ulasan BKew, KPM.

18.3 Kegagalan atau keengganan mematuhi SPK, GP Pengurusan Program RMT dan GP Pengurusan Kewangan PSS yang dikeluarkan ini tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan pegawai dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].

## 19. TARIKH KUAT KUASA

SPK ini berkuat kuasa serta merta mulai tarikh SPK ini dikeluarkan.

## 20. PEMBATALAN


Dengan berkuat kuasanya SPK ini, maka Surat Pekeliling Kewangan BT 19 Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di Sekolah Rendah bertarikh **17 Julai 2020** adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' TS. DR. HAJI AMINUDDIN BIN HASSIM)**

Tarikh: 5 Februari 2026

s.k.:

1. YB Menteri Pendidikan
2. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
3. Kementerian Kesihatan Malaysia

**SENARAI EDARAN:**

Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perolehan

Pengarah  
Bahagian Pendidikan Khas

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Semua Pegawai Pendidikan Daerah

Semua Guru Besar